




SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN

SESI KEMASUKAN 2020/ 2021

**FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL**

Kata Alu-Aluan Dekan



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, eBuku panduan program akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial bagi sesi akademik 2020/ 2021 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti menawarkan 6 program pengajian yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Fakulti amat mengalu-alukan penyertaan pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat Datang dan Tahniah kerana anda telah terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya ke Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS). Kehidupan anda sebagai seorang pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Sukacita ingin kami kongsikan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh Fakulti dalam tempoh setahun ini dan antaranya adalah FPEPS telah menawarkan dua program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu salah satunya ialah program Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA dan CPA Australia. Satu lagi program yang diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia adalah program Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk, Korea Selatan; Universitas Trisakti, Indonesia; Ocean Guongdong University, China; Universiti Malang, Indonesia dan banyak lagi. Anda akan turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahu pun yang dianjurkan oleh kelab pelajar (melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO) sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswa di universiti.

Seperti yang semua sedia maklum, kini kita juga sedang berhadapan dengan norma baharu dan persekitaran pembelajaran yang berbeza dalam situasi pandemik Covid-19. Pelaksanaan PdP pada kali ini akan banyak dilakukan secara dalam talian. Oleh yang demikian , pelajar perlu sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Bidang untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi sebarang kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membawa hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan Negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya eBuku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

Prof. Ts. Dr. Mohd Shaladdin Muda
Dekan,
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I SESI 2020/2021

TARIKH/ MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
4 – 10/10/2020	PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU JALINAN MESRA	
11 – 24/10/2020 [MINGGU 1 -2]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pengecualian Kursus Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pertukaran Program 	
25/10/2020 – 7/11/2020 [MINGGU 3 – 4]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pengecualian Kursus Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian 	Maulidur Rasul 29/10/2020 (Khamis)
8 – 28/11/2020 [MINGGU 5 – 7]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Deepavali 14/11/2020 (Sabtu) Hari Pelepasan Am Negeri 15/11/2020 (Ahad)
29/11/2020 – 5/12/2020	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
6/12/2020 – 2/1/2021 [MINGGU 8– 11]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) - Minggu Ko-Kurikulum (Bermula 1/1/2021) 	Hari Krismas 25/12/2020 (Jumaat)
3 – 9/1/2021 [MINGGU 12]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Minggu Ko-Kurikulum - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester II Sesi 2020/2021 	
10 – 16/1/2021 [MINGGU 13]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester II Sesi 2020/2021 	
17 – 23/1/2021 [MINGGU 14]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP) Secara Atas Talian - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester II Sesi 2020/2021 	
24 – 30/1/2021	MINGGU ULANG KAJI	
31/1/2021 – 20/2/2021 [MINGGU 15 – 17]	PEPERIKSAAN AKHIR <ul style="list-style-type: none"> - Penilaian Pengajaran (e-SPP) Secara Atas Talian - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester II Sesi 2020/2021 	Tahun Baru Cina 12 & 13/2/2021 (Jumaat & Sabtu)
21/2/2021 – 20/3/2021	CUTI ANTARA SEMESTER	Hari Ulang tahun Pertabalan Kebawah D.Y.M.M Sultan Terengganu 4/3/2021 (Khamis)
21/3/2021	SEMESTER II SESI 2020/2021 BERMULA	

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II SESI 2020/2021

TARIKH/ MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
21/3/2021 – 3/4/2021 [MINGGU 1 -2]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pengecualian Kursus Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian - Permohonan Pertukaran Program 	
4 – 17/4/2021 [MINGGU 3 – 4]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pengecualian Kursus Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian 	
18/4/2021 – 8/5/2021 [MINGGU 5 – 7]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Keputeraan Sultan Terengganu 26/4/2021 (Isnin) Nuzul Al-Quran 29/4/2021 (Khamis) Hari Pekerja 1/5/2021 (Sabtu)
9 – 15/5/2021	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	Hari Raya Aidilfitri 13 & 14/5/2021 (Khamis & Jumaat)
16 – 22/5/2021 [MINGGU 8]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	
23/5/2021 – 12/6/2021 [MINGGU 9 – 11]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Minggu Ko-Kurikulum (Bermula 11/6/2021) 	Hari Wesak 26/5/2021 (Rabu) Hari Keputeraan YDP Agong 5/6/2021 (Sabtu)
13 – 19/6/2021 [MINGGU 12]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Minggu Ko-Kurikulum - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester Pendek Sesi 2020/2021 - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester I Sesi 2021/2022 	
20 – 26/6/2021 [MINGGU 13]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester Pendek Sesi 2020/2021 - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester I Sesi 2021/2022 	
27/6/2021 – 3/7/2021 [MINGGU 14]	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP) Secara Atas Talian - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester Pendek Sesi 2020/2021 - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester I Sesi 2021/2022 	
4 – 10/7/2021	MINGGU ULANG KAJI	
11 – 31/7/2021 [MINGGU 15 – 17]	PEPERIKSAAN AKHIR <ul style="list-style-type: none"> - Penilaian Pengajaran (e-SPP) Secara Atas Talian - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester Pendek Sesi 2020/2021 - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) Semester I Sesi 2021/2022 	Hari Arafah 19/7/2021 (Isnin) Hari Raya Aidiladha 20 & 21/7/2021 (Selasa & Rabu)
1/8/2021	SEMESTER PENDEK SESI 2020/2021 BERMULA	

PERINGATAN

- i) Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- ii) Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- iii) Pendaftaran kursus untuk semester berikutnya boleh dilakukan bermula minggu ke-12 sehingga minggu ke-17 pada semester semasa.
- iv) Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- v) Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- vi) Sila layari *facebook* rasmi Pusat Pengurusan Akademik dan Kualiti, UMT pada capaian <https://www.facebook.com/AkademikUMT/>untuk sebarang makluman terkini.
- vii) Rayuan Semakan Gred kursus dan Rayuan Gagal dan Diberhentikan hendaklah dibuat dalam tempoh dua minggu selepas keputusan rasmi peperiksaan akhir dikeluarkan.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pengurusan Akademik dan Kualiti, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI

FALSAFAH UMT

Ilmu dan Amal yang Berpadu Berlandaskan Keimanan Kepada Allah Adalah Tonggak Kepada Usaha Universiti Dalam Menyediakan Modal Insan yang Berwibawa untuk Kelestarian Sejagat.

VISI

Universiti Berfokus Marin Terunggul Dalam Negara dan Disegani Diperingkat Global

MISI

Menjana Ilmu Untuk Kesejahteraan Masyarakat dan Kelestarian Alam.

SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat

BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik

FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan pendisiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai segala ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui Penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berdasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara.

FPEPS menawarkan 6 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

Bil	Program	Tempoh Pengajian
1	Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
2	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
3	Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
4	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	4 tahun
5	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
6	Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun

PASCA SISWAZAH

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi

Maklumat Am

Sistem Pengajian di UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan Akhir	3 minggu

Struktur Kurikulum Program

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk Keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.

Teras Universiti

Komponen Teras Universiti terdiri daripada beberapa kursus yang wajib diambil dan lulus oleh semua pelajar UMT. Kursus-kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan tambahan kepada pelajar di samping pengetahuan yang diperolehi daripada bidang pengkhususan masing-masing.

Teras Program

Komponen Teras Program terdiri daripada kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang pengkhususan dan ditetapkan oleh program pengajian yang mengendalikan program-program tersebut. Pelajar-pelajar dalam program berkenaan diwajibkan mengikuti kursus-kursus ini.

Elektif

Komponen Elektif terdiri daripada kursus-kursus pilihan yang boleh diambil oleh pelajar. Kursus elektif masih diambil kira kreditnya dan diberikan mata nilaiannya.

Sistem Penggredan, Gred Dan Mata Nilaian Gred

Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	Memuaskan
55-59	C+	2.50	
50-54	C	2.00	Lemah
45-49	C-	1.75	
40-44	D	1.00	Gagal
39 atau kurang	F	0.00	

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	Distinction
2.00-3.66	Kepujian	Honours

TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketrampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

1. *Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar*

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

2. *Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar*

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang – kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

3. *Memberi Motivasi Kepada Pelajar*

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang semasa berada di UMT.

4. *Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran*

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

5. *Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif*

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

6. *Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi*

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

7. *Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Pusat Pengajian*

Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti-aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Univirsiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengurus sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

8. *Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik*

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

9. *Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian*

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

10. *Merujuk Kepada Pakar*

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kapakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**PERATURAN
PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

PERATURAN AM

1. Setiap pelajar dikehendaki **mempamerkan kad matrik** sepanjang berada di dalam kampus.
2. Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidak harmonian di dalam kampus.
3. Setiap pelajar dilarang mempamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
4. Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar

RAMBUT

1. Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
2. Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. Rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
3. Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
4. Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali.



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

POLISI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

1. Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan **kekemasan, kerapian dan kesopanan**.
2. Pelajar diwajibkan berpakaian **sopan** (baju kemeja, T-berkollar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lutut), ketika berada di bangunan kuliah/makmal/perpustakaan/pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
3. Pelajar **tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang**, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lulut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah **dilarang berpakaian sepetimana di bawah** ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-
 - Berskirt di atas paras lutut
 - Berbaju T tanpa kollar lengan
 - Berbaju tanpa lengan
 - Berseluar jeans
 - Berseluar/berskirt ketat
 - Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)
4. Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
5. Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki **diwajibkan berpakaian formal** dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepas paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
6. Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.

7. Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan **memakai topi atau bandana**.
8. Pelajar dilarang mempamerkan '**Tatoo**' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar **lelaki** juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau **berpakaian menyerupai perempuan**.

PENGURUSAN FAKULTI



Dekan

Prof. Ts. Dr. Mohd Shaladdin Muda



Timbalan Dekan (Akademik)

Dr. Azlinzuraini Ahmad



Timbalan Dekan (Bakat)

Prof. Madya Dr. Azlina Abd. Aziz



Timbalan Dekan (Siswazah)

Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min



Penolong Pendaftar Kanan

Wan Zawati Wan Jaafar



Penolong Pendaftar

Ahmad Khairul Fitri Zahari



Ketua Bidang Pemasaran

Prof. Madya Dr. Azizul Yadi Yaakop



Ketua Bidang Pelancongan
Dr. Zaliha Zainuddin



Ketua Bidang Perakaunan
Prof. Madya Dr. Azwadi Ali



Ketua Bidang Kaunseling
Dr. Raba'Aton Adawiah@Robiah Mohd Yusof



Ketua Bidang Polisi
Dr. Zikri Muhammad



Ketua Bidang Ekonomi
Prof. Madya Dr. Mahirah Kamaludin



Ketua Bidang Sarjana
Prof. Madya Dr. Marhana Mohamed Anuar

**PEGAWAI AKADEMIK
PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN**



Prof. Madya Dr. Azwadi Ali
Ketua Bidang Perakaunan
Ph.D. (Victoria),
M.Acc. (UiTM),
B.Acc. & Fin (Hons.) (Lancaster)
Bidang: Sistem Maklumat Perakaunan



Prof. Madya Dr. Hafiza Aishah Hashim
Ph.D. (Malaya),
M.Acc. Int. Acct. & Fin. Mgmt. (Glasgow),
B.Acc. (Hons) (UiTM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Prof. Madya Dr. Mohd Hassan Che Haat, AIIA
Ph.D. (UiTM),
M.Acc. (UiTM),
B.Sc. Acc (Hons) (Cardiff)
Bidang : Pengauditan



Prof. Madya Dr. Mohd Zulkifli Mokhtar
Ph.D. (Cardiff),
M.Acc. Glasgow),
Adv. Dip. Acc. (Hons.) (UiTM), Dip. Acc. (UiTM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Prof. Madya Dr. Zalailah Salleh
C.A. (M)
Ph.D. (Griffith),
M.Sc. Acc. & Fin. (Essex),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Pengauditan



Prof. Madya Dr. Rosliza Mat Zin
Ph.D. (Manchester),
M.A. Acc. & Fin. Mgmt. (Essex),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Perakaunan Pengurusan



Prof. Madya Dr. Akmalia Mohamad Ariff
Ph.D. (Auckland),
M. Acc. (UiTM),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Prof. Madya Dr. Roshaiza Taha
Ph.D. (Monash),
MBA (Acc.) (UUM),
B. Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Percukaian



Prof. Madya Dr. Mohd Nazli Mohd Nor
C.A. (M)
Ph.D. (Edith Cowan),
M.Sc. (Acc.) (IIUM),
B.Acc. (Hons.) (UKM)
Bidang : Pengauditan



Prof. Madya Dr. Safwan Mohd Nor
Ph.D. (Victoria),
M. Financial Analysis (La Trobe),
B.A. (Hons.) Acc. & Financial Studies (Central Lancashire),
Dip. Acc. (UiTM)
Bidang : Kewangan



Dr. Mohd Shaari Abd. Rahman
Ph.D. (Tasmania),
M.Sc. Acc. & Fin. (Birmingham),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Sistem Maklumat Perakaunan



Dr. Shayuti Mohamed Adnan
Ph.D. (Auckland),
M.Sc. (Acc.) (UIAM),
B. Com. & Mgmt. (Lincoln)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Dr. Nurasyikin Jamaludin
Ph.D. (Edith Cowan),
MBA (Buckingham),
B. Sc. (Econs) Acc and Fin Management (Buckingham)
Bidang : Kewangan



Dr. Nor Raihan Mohamad
Ph.D. (UMT),
M.Sc. (Acc.) (UPM),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Pengauditan



Dr. Shahnaz Ismail
Ph.D. (UMT),
M.Sc. (Acc.) (UPM),
B.Acc. (Hons.) (UPM),
Dip. Agric. Business (UPM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan
(Penyelaras PITA)



Dr. Nur Haiza Muhammad Zawawi
Ph.D. (La Trobe),
M.Acc. (UiTM),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Perakaunan Pengurusan



Dr. Wan Zuriati Wan Zakaria
Ph.D. (Central Queensland),
MBA (Acc.) (UUM),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Perakaunan Pengurusan



Dr. Siti Nuraini Muhamad
Ph.D. Finance (UMT),
M. Mgmt. (ICZM) (UMT),
BBA (Hons.) Islamic Banking (UiTM)
Bidang : Kewangan
(Penyelaras Latihan Industri)



Dr. W Muhammad Zainuddin Wan Abdullah
Ph.D. (USIM),
MBA (Fin. & Banking) (KUIS),
B.Acc. (Hons.) (UKM)
Bidang : Kewangan



Dr. Wan Nur Syahida Wan Ismail
Ph.D. (UMT),
M.Sc. (Acc) (UMT),
B.Sc. (Hons.) Acc. & Finance (Wales),
Dip. Acc. (KUSZA), Dip. Ed. (UKM)
Bidang : Sistem Maklumat Perakaunan
(Penasihat Kelab HISAAC)



Dr. Norazlina Ilias
Ph.D. (UiTM),
MBA (Finance) (UPM),
B.Acc. (Hons.) (UUM)
Bidang : Perakaunan Pengurusan



Dr. Wan Zalani @ Zanani Wan Abdullah
Ph.D. (USM),
M.Acc. (UKM),
B.Acc. (Hons.) (UPM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Dr. Farizah Sulong, ACCA FCCA, CA (M)
Ph.D. (Acc) (IIUM, Malaysia),
MCA (Acc) (VUW, NZ),
BCM (Lincoln, NZ)
Bidang : Perakaunan Pengurusan



Dr. Ahmad Shauqi Mohamad Zubir
Ph.D (Birmingham),
M.Sc Quantitative Sc. (Fin Eng) (UiTM),
BSc (Hons) Act. Sc. (UKM)
Bidang : Kewangan



Dr. Rohila @ Norhamizah Awang
Ph.D (UIA),
M.Acc. (UiTM),
B.Acc. (Hons.) (UiTM),
Dip. Acc. (UiTM)
Bidang : Perakaunan Kewangan dan Pelaporan



Puan Fatimah Shahman
M.Acc. (Glasgow),
Adv. Dip. Acc. (UiTM), Dip. Acc. (UiTM)
Bidang : Percukaian



Puan Mimi Aizreen Hamzah
M.Sc. Finance (UUM),
B.Sc. (Hons.) Fin. & Acc. (Salford)
Bidang : Kewangan

PROGRAM SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian mengambil masa pengajian selama 4 tahun. Pelajar mestilah menghabiskan sekurang-kurangnya 136 jam kredit mengikut struktur program ini bagi membolehkan mereka dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian). Program ini diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga diiktiraf oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Program ini juga telah mendapat pengiktirafan beberapa badan profesional termasuk Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), CPA (Australia), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

Program ini juga telah mengadakan usahasama dengan dua organisasi; pertamanya Salihin Chartered Accountants di mana Teaching Accountancy Firm (TAF) telah diwujudkan, dan yang kedua ialah ACCA. Pelajar yang mengikuti kursus di bawah TAF didedahkan dengan pembelajaran perakaunan, audit dan percukaian bersama industri. Manakala usahasama dengan ACCA melibatkan pelaksanaan ACCA Accelerate. Pelajar yang berdaftar di bawah ACCA Accelerate dapat menduduki peperiksaan profesional ACCA semasa tempoh pengajian di UMT; yang mana tanpanya pelajar hanya boleh menduduki peperiksaan tersebut selepas bergraduat dari UMT. Seterusnya, pelajar yang berkelayakan boleh mengikuti program SMP-ACCA INternary (SAI) di mana mereka akan mengikuti latihan industri bersama ACCA Approved Employers selama 1 tahun dan berpeluang menamatkan kertas ACCA sebelum bergraduat.

OBJEKTIF PROGRAM

Melahirkan siswazah yang:

- berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang perakaunan sejarar dengan perkembangan profesyen perakaunan
- mampu menonjolkan kualiti kepimpinan dan bijak menyampaikan maklumat berkaitan perakaunan untuk tujuan pembuatan keputusan secara individu atau berpasukan di dalam sesebuah organisasi
- mampu mengenalpasti dan memberi cadangan penyelesaian isu-isu perakaunan di dalam organisasi secara profesional dan beretika mengikut piawaian perakaunan yang digunakan
- memperkenalkan kemahiran keusahawanan dan menyedari keperluan pembelajaran sepanjang hayat untuk kemajuan kerjaya

PROSPEK KERJAYA

Siswazah dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian mempunyai peluang kerjaya sebagai akauntan, juruaudit, pegawai penaksir cukai, bendahari, setiausaha syarikat, jururunding, pegawai kewangan, penganalisa kewangan, penyelidik dan ahli akademik. Di sektor awam, peluang kerjaya untuk siswazah Sarjana Muda Perakaunan terdapat di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan. Di sektor swasta, peluang kerjaya sebegini terdapat di badan-badan perdagangan dan perindustrian, bank, syarikat insuran dan firma perakaunan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diterapkan sepanjang program ini, siswazah juga berpeluang untuk menjadi usahawan.

SYARAT KEMASUKAN

Syarat Am Kemasukan Universiti

- a. Lulus SPM dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/Kertas Julai dan lulus dalam Sejarah.

Atau

Lulus SVM dan mendapat kesetaraan dengan 3 kredit SPM termasuk mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu 1104, PNGK Akademik 2.00, PNGK Vokasional 2.67, kompeten semua modul vokasional dan lulus Sejarah SPM/Sejarah 1251.

- b. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- c. Lulus peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 termasuk Gred C (NGMP 2.00) dalam Pengajian Am dan gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

Atau

Mempunyai kelulusan Diploma atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.

Atau

Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Asasi Sains UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00.

Syarat Khas Program

- a. Kelayakan minimum calon STPM/Matrikulasi/Asasi
- i. Mendapat gred B- (NGMP 2.67) dalam salah satu mata pelajaran berikut di peringkat STPM/Matrikulasi/Asasi: Ekonomi, Perakaunan atau Pengajian Perniagaan/Pengurusan Perniagaan.
- ii. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM atau Gred C (NGMP 2.00) dalam matapelajaran Matematik diperingkat STPM/Matrikulasi/Asasi.
- iii. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris diperingkat SPM dan
- iv. Tahap 2 Malaysian University English Test (MUET).

Atau

- b. Kelayakan Setaraf
Diploma dalam bidang yang sesuai dari institusi yang diiktiraf.

Syarat Kemasukan Pelajar Antarabangsa

- a) General Requirements
 - i. Senior High School/Senior Secondary School/ Other Certificates from the government schools (with the period of at least 11 to 12 years of study from primary to higher secondary); OR
 - ii. GCE A' Level examination obtained at one sitting, OR
 - iii. Any other certificate that is recognized by the Senate of the University as equivalent to the above

And

- b) Language Requirements
 - i. Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL) at least 550, OR
 - ii. Pass the International English Language Testing System (IELTS) at least 5.5, OR
 - iii. Pass the Malaysian University English Test (MUET at least Band 3)

* Applicants from the country where the official language is English Language must obtain at least credit in English Language Paper at higher secondary school level.

And

- c) Programme's Specific Requirements.

Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 136 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit/Program	
	UMT/UMT-TAF/SAI	Antarabangsa
Kursus Teras Universiti	20 (15%)	18 (13%)
Kursus Teras Program	101 (74%)	98 (72%)
Kursus Elektif	15 (11%)	20 (15%)
JUMLAH	136 (100%)	136 (100%)

KURIKULUM PROGRAM

Kursus Teras Universiti (20 atau 18 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Program	
			UMT/UMT-TAF/SAI	Antarabangsa
NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3	✓	
CCXXXXX	Ko-Kurikulum	2	✓	✓
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2	✓	
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	✓	✓
MPU3143	<i>Communicative Malay Language</i>	3		✓
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	✓	
MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2	✓	✓
BBB3013	Academic Writing Skills	3	✓	✓
BBB3023	Public Speaking	3		✓
BBB3033	English for Occupational Purpose	3	✓	✓
	JUMLAH		20	18

Kursus Teras Program (101 atau 98 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Program		
			UMT/UMT-TAF	SAI	Antarabangsa
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2	✓	✓	✓
ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1	3	✓	✓	✓
ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2	3	✓	✓	✓
ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3	3	✓	✓	✓
ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4	3	✓	✓	✓
ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5	3	✓	✓	✓
ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3	✓	✓	✓
ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2	3	✓	✓	✓
ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan	3	✓	✓	✓
ACT3301	Audit 1	3	✓	✓	✓
ACT4301	Audit 2	3	✓	✓	✓
ACT3401	Percukaian 1	3	✓	✓	✓
ACT3402	Percukaian 2	3	✓	✓	✓
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3	✓	✓	✓
ACT3502	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3	✓	✓	✓
ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat	3	✓	✓	✓
ACT4601	Kajian Kes Bersepadu	3	✓	✓	✓
ACT4992	Latihan Industri*	12	✓	-	✓
ACT4991I	Sangkutan Industri*	12	-	✓	-
BBB3023	Public Speaking	3	✓	✓	-
COM3103	<i>Business Communication</i>	3	✓	✓	✓
ECO3103	Mikroekonomi	3	✓	✓	✓
ECO3104	Makroekonomi	3	✓	✓	✓
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3	✓	✓	✓
FNC3101	Pengurusan Kewangan	3	✓	✓	✓
FNC3103	Kewangan Korporat	3	✓	✓	✓
FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan	3	✓	✓	✓
MGM3102	Falsafah Pengurusan	3	✓	✓	✓
MGM3201	Gelagat Organisasi	3	✓	✓	✓
MGM4105	Pengurusan Strategik	3	✓	✓	✓
MGM4600	Undang-undang Perniagaan	3	✓	✓	✓
MGM4603	Undang-undang Syarikat	3	✓	✓	✓
JUMLAH			101	101	98

* Tempoh latihan industri adalah 6 bulan

Kursus Elektif (15 atau 20 jam kredit)

Bagi pelajar UMT, pelajar perlu memenuhi 15 jam kredit manakala pelajar IDP perlu memenuhi 20 jam kredit. Bagi kursus elektif, pelajar dibenarkan untuk mengambil kursus dari mana-mana pusat pengajian. Walau bagaimanapun, pelajar digalakkan untuk mengambil kursus-kursus berikut sekiranya ditawarkan oleh Program Sarjana Muda Perakaunan.

Kod	Nama Kursus	Kredit
ACT4002	Perniagaan Antarabangsa dan Globalisasi	3
ACT4003	Amalan Kesetiausahaan Syarikat	2
ACT4103	Perakaunan Sektor Awam	3
ACT4104	Perakaunan untuk Transaksi Kewangan Islam	3
ACT4105	Isu-isu Semasa Perakaunan dan Pengauditan	3
ACT4106	Perakaunan Industri Terkhusus	3
ACT4107	Perakaunan Antarabangsa	3
ACT4108	Isu-isu Perakaunan dalam Industri Maritim	3
ACT4109	Perakaunan dan Pelaporan untuk Persekitaran	3
ACT4302	Audit Dalaman	3
ACT4401	Percukaian Lanjutan	3
ACT4998	Penyelidikan dalam Perakaunan 1	3
ACT4999	Penyelidikan dalam Perakaunan 2	3
FNC4101	Kewangan Antarabangsa	3
FNC4201	Analisis Pelaburan	3
FNC4202	Pasaran Derivatif	3
FNC4301	Pengurusan Bank	3
FNC4302	Perbankan Antarabangsa	3
FNC4701	Pengurusan Kewangan Islam	3
FNC4801	Ekonomi Islam	3
FNC4802	Institusi Kewangan Islam dan Pasaran	3
FNC4803	Pasaran Modal Islam	3
FNC4804	Peraturan Shariah dalam Transaksi Kewangan	3
FNC4805	Deposit dan Operasi Kewangan Bank Islam	3
FNC4806	Perancangan dan Pengurusan Harta	3

Kursus Elektif bagi Mod Industri bersama TAF (15 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit
ACT4993	Sangkutan Pembelajaran Perakaunan Kerja Bersepadu	3
ACT4994	Sangkutan Pembelajaran Percukaian Kerja Bersepadu	3
ACT4995	Sangkutan Pembelajaran Audit Kerja Bersepadu	3
ACT4996	Sangkutan Pembelajaran Kesetiausahaan Syarikat Kerja Bersepadu	3
ACT4997	Sangkutan Pembelajaran Perundingan Perniagaan Kerja Bersepadu	3
	Jumlah	15

Kursus Elektif bagi Mod Industri SMP-ACCA INternary (15 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Jam Kredit
ACT4701I	Kerja Bersepadu Etika dan Profesionalisma	3
ACT4702I	Kerja Bersepadu Strategi dan Hubungan Pemegang Taruh	4
ACT4703I	Kerja Bersepadu Risiko dan Tadbir Urus	4
	Pilih SATU (1):	
ACT4704I	Kerja Bersepadu Penilaian Cukai	4
ACT4705I	Kerja Bersepadu Audit dan Jaminan	4
	Jumlah	15

Pra-syarat

Semua kursus yang memerlukan pra-syarat boleh diambil apabila pelajar telah menduduki (wajib ambil) kursus pra-syarat tersebut melainkan bagi kursus pra-syarat ACT4999 Penyelidikan dalam Perakaunan 2 iaitu ACT4998 Penyelidikan dalam Perakaunan 1 (wajib lulus).

Pengecualian Kursus

Pelajar yang layak boleh memohon pengecualian bagi kursus dalam senarai di bawah:

Kod	Nama Kursus	Kredit
ACC3100	Perakaunan Perniagaan	4
ACC3200	Perakaunan Kos dan Pengurusan	3
ACC3303	Asas Perakaunan Perniagaan	3
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2
ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3
ACT3401	Percukaian 1	3
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3
FIN3000	Kewangan Pengurusan	3
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3
FNC3101	Pengurusan Kewangan	3

Nota: Jika permohonan pengecualian diluluskan, pengiktirafan kelayakan profesional seperti ACCA akan terjejas.

SKEMA PROGRAM

Skema Program UMT

Kod	Semester 1	Jam Kredit	Kod	Semester 2	Jam Kredit
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2	ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1	3
BBB3013	<i>Academic Writing Skills</i>	3	ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3
ECO3103	Mikroekonomi	3	COM3103	<i>Business Communication</i>	3
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3	ECO3104	Makroekonomi	3
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2
NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2
CCXxxxx	Ko-Kurikulum	2	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2
Jumlah	19			Jumlah	18
Kod	Semester 3	Jam Kredit	Kod	Semester 4	Jam Kredit
ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2	3	ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3	3
ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2	3	ACT3301	Audit 1	3
ACT3401	Percukaian 1	3	ACT3402	Percukaian 2	3
MGM3102	Falsafah Pengurusan	3	BBB3023	<i>Public Speaking</i>	3
MGM4600	Undang-undang Perniagaan	3	FNC3101	Pengurusan Kewangan	3
	Elektif 1	3	MGM3201	Gelagat Organisasi	3
Jumlah	18			Jumlah	18
Kod	Semester 5	Jam Kredit	Kod	Semester 6	Jam Kredit
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3	ACT3502	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3
ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4	3	ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat	3
ACT4301	Audit 2	3	ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5	3
FNC3103	Kewangan Korporat	3	ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan	3
MGM4603	Undang-undang Syarikat	3	MGM4105	Pengurusan Strategik	3
	Elektif 2	3		Elektif 3	3
Jumlah	18			Jumlah	18
Kod	Semester 7	Jam Kredit	Kod	Semester 8	Jam Kredit
ACT4601	Kajian Kes Bersepudu	3	ACT4992	Latihan Industri	12
BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3			
FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan	3			
	Elektif 4	3			
	Elektif 5	3			
Jumlah	15			Jumlah	12
Jumlah Jam Kredit Keseluruhan					136

Nota: Bagi kursus berkod ACT markah lulus adalah 50 (Gred C)

Skema Program UMT-TAF

Kod	Semester 1	Jam Kredit	Kod	Semester 2	Jam Kredit
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2	ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1	3
BBB3013	Academic Writing Skills	3	ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3
ECO3103	Mikroekonomi	3	COM3103	Business Communication	3
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3	ECO3104	Makroekonomi	3
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2
NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2
CCXxxxx	Ko-Kurikulum	2	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2
	Jumlah	19		Jumlah	18
Kod	Semester 3	Jam Kredit	Kod	Semester 4	Jam Kredit
ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2	3	ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3	3
ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2	3	ACT3301	Audit 1	3
ACT3401	Percukaian 1	3	ACT3402	Percukaian 2	3
MGM3102	Falsafah Pengurusan	3	BBB3023	Public Speaking	3
MGM4600	Undang-undang Perniagaan	3	FNC3101	Pengurusan Kewangan	3
	Elektif TAF 1	3	MGM3201	Gelagat Organisasi	3
	Jumlah	18		Jumlah	18
Kod	Semester 5	Jam Kredit		Semester 6	Jam Kredit
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3	ACT3502	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3
ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4	3	ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat	3
ACT4301	Audit 2	3	ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5	3
FNC3103	Kewangan Korporat	3	ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan	3
MGM4603	Undang-undang Syarikat	3	MGM4105	Pengurusan Strategik	3
	Elektif TAF 2	3		Elektif TAF 3	3
	Jumlah	18		Jumlah	18
Kod	Semester 7	Jam Kredit	Kod	Semester 8	Jam Kredit
ACT4601	Kajian Kes Bersepadu	3	ACT4992	Latihan Industri	12
BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3			
FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan	3			
	Elektif TAF 4	3			
	Elektif TAF 5	3			
	Jumlah	15		Jumlah	12
JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN					136

- Nota:
1. Bagi kursus berkode ACT markah lulus adalah 50 (Gred C)
 2. Bagi pelajar yang mengikuti mod industri bersama TAF, kursus elektif adalah terhad kepada kursus ACT4993, ACT4994, ACT4995, ACT4996, ACT4997

Skema Program SMP-ACCA INternary (SAI)

Kod	Semester 1	Jam Kredit	Kod	Semester 2	Jam Kredit			
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2	ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1	3			
BBB3013	<i>Academic Writing Skills</i>	3	ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3			
ECO3103	Mikroekonomi	3	COM3103	<i>Business Communication</i>	3			
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3	ECO3104	Makroekonomi	3			
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2			
NCC3053	Kenegaraan Malaysia	3	MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2			
CCXxxxx	Ko-Kurikulum	2	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2			
	Jumlah	19		Jumlah	18			
Kod	Semester 3	Jam Kredit	Kod	Semester 4	Jam Kredit			
ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2	3	ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3	3			
ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2	3	ACT3301	Audit 1	3			
ACT3401	Percukaian 1	3	ACT3402	Percukaian 2	3			
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3	ACT3502	Analisis dan Rekabentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3			
MGM3102	Falsafah Pengurusan	3	FNC3101	Pengurusan Kewangan	3			
MGM4600	Undang-undang Perniagaan	3	MGM3201	Gelagat Organisasi	3			
	Jumlah	18		Jumlah	18			
Kod	Semester 5	Jam Kredit	Kod	Semester 6	Jam Kredit			
ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4	3	ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat	3			
ACT4301	Audit 2	3	ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5	3			
BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3	ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan	3			
FNC3103	Kewangan Korporat	3	ACT4601	Kajian Kes Bersepadu	3			
FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan	3	BBB3023	<i>Public Speaking</i>	3			
MGM4603	Undang-undang Syarikat	3	MGM4105	Pengurusan Strategik	3			
	Jumlah	18		Jumlah	18			
Kod	Semester 7	Jam Kredit	Kod	Semester 8	Jam Kredit			
ACT4701I	Kerja Bersepadu Etika dan Profesionalisma	3	ACT4991I	Sangkutan Industri	12			
ACT4702I	Kerja Bersepadu Strategi dan Hubungan Pemegang Taruh	4						
ACT4703I	Kerja Bersepadu Risiko dan Tadbir Urus	4						
Pilih satu (1)								
ACT4704I	Kerja Bersepadu Penilaian Cukai	4						
ACT4705I	Kerja Bersepadu Audit dan Jaminan	4						
	Jumlah	15		Jumlah	12			
Jumlah Jam Kredit Keseluruhan					136			

Nota:

1. Bagi kursus berkod ACT markah lulus adalah 50 (Gred C)
2. ACT4991I Sangkutan Industri adalah kursus teras program bagi pelajar di bawah Mod Industri SMP-ACCA INternary.

Skema Pelajar Antarabangsa

Kod	Semester 1	Jam Kredit	Kod	Semester 2	Jam Kredit	
ACT3100	Prinsip Perakaunan	2	ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1	3	
BBB3013	<i>Academic Writing Skills</i>	3	ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1	3	
ECO3103	Mikroekonomi	3	COM3103	<i>Business Communications</i>	3	
FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan	3	ECO3104	Makroekonomi	3	
MPU3143	<i>Communicative Malay Language</i>	3	MPU3312	Apresiasi Alam dan Warisan Laut	2	
CCXxxxx	Ko-Kurikulum	2	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2	
	Elektif 1	2		Elektif 2	3	
	Jumlah	18			Jumlah	19
Kod	Semester 3	Jam Kredit	Kod	Semester 4	Jam Kredit	
ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2	3	ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3	3	
ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2	3	ACT3301	Audit 1	3	
ACT3401	Percukaian 1	3	ACT3402	Percukaian 2	3	
MGM3102	Falsafah Pengurusan	3	BBB3023	<i>Public Speaking</i>	3	
MGM4600	Undang-Undang Perniagaan	3	FNC3101	Pengurusan Kewangan	3	
	Elektif 3	3	MGM3201	Gelagat Organisasi	3	
	Jumlah	18			Jumlah	18
Kod	Semester 5	Jam Kredit	Kod	Semester 6	Jam Kredit	
ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan	3	ACT3502	Analisis dan Reka Bentuk Sistem Maklumat Perakaunan	3	
ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4	3	ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat	3	
ACT4301	Audit 2	3	ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5	3	
FNC3103	Kewangan Korporat	3	ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan	3	
MGM4603	Undang-Undang Syarikat	3	MGM4105	Pengurusan Strategik	3	
	Elektif 4	3		Elektif 5	3	
	Jumlah	18			Jumlah	18
Kod	Semester 7	Jam Kredit	Kod	Semester 8	Jam Kredit	
ACT4601	Kajian Kes Bersepadu	3	ACT4992	Latihan Industri	12	
BBB3033	<i>English for Occupational Purposes</i>	3				
FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan	3				
	Elektif 6	3				
	Elektif 7	3				
	Jumlah	15			Jumlah	12
				Jumlah Jam Kredit	136	

SINOPSIS KURSUS

ACT3100	Prinsip Perakaunan
Jam Kredit	:2 (2+0)
Prasyarat	:Tiada

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar kepada asas simpan kira dan prinsip perakaunan kewangan. Ia menerangkan persamaan perakaunan, mengenalpasti urutan tatacara kitaran perakaunan dan membincangkan peranan rekod perakaunan dalam organisasi. Ia seterusnya menjelaskan perbezaan di antara perakaunan tunai dan akruan, tujuan utama penyata kewangan, peranan maklumat perakaunan dalam membuat keputusan ekonomi dan membincangkan kepentingan sistem perakaunan dalam menyediakan maklumat yang relevan dan boleh dipercayai. Ia juga mendedahkan pelajar dengan perakaunan untuk perkongsian dan syarikat.

ACT3101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3100 (Prinsip Perakaunan) (Wajib Ambil)

Dalam kursus peringkat kedua ini, pelajar diperkenalkan kepada elemen perakaunan seperti asset, liabiliti, ekuiti, pendapatan dan perbelanjaan, komponen penyata kewangan, penyata kedudukan kewangan, penyata keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain, penyata aliran tunai dan penyata perubahan dalam ekuiti. Pelajar juga diperkenalkan kepada asas analisis penyata kewangan.

ACT3102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1) (Wajib Ambil)

Ini adalah kursus peringkat ketiga untuk Perakaunan dan Pelaporan Kewangan. Kursus ini membina pengetahuan dan kemahiran yang telah diperkenalkan dalam kursus-kursus perakaunan kewangan sebelum ini. Pelajar hendaklah menyedari bahawa di dalam kursus ini, mereka akan membina apa yang telah mereka pelajari dalam kursus perakaunan sebelum ini dan mempelajari dengan lebih mendalam berkaitan dengan elemen-elemen penyata kewangan. Kursus ini merangkumi perakaunan untuk pengiktirafan hasil dan aset/liabiliti bukan semasa yang tertumpu kepada harta tanah, loji dan peralatan, aset tak ketara, harta tanah pelaburan, aset pertanian-biologi, aset kewangan, aset liabiliti dan pajakan.

ACT3103	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3102 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 2) (Wajib Ambil)

Ini adalah kursus peringkat keempat untuk Perakaunan Kewangan dan Pelaporan. Kursus ini dibina berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang telah diperkenalkan dalam kursus-kursus Perakaunan Kewangan dan Pelaporan terdahulu. Pelajar hendaklah menyedari bahawa dalam kursus ini, mereka akan membina apa yang telah mereka pelajari dalam kursus perakaunan sebelum ini dan mempelajari perkara yang lebih kompleks. Kursus ini: 1. Memperkenalkan kajian kes komprehensif yang membincangkan isu yang melibatkan elemen-elemen penyata perakaunan dalam senario berbeza dan industri terkhusus seperti yang berkaitan dengan loji, harta tanah dan peralatan, aset tak ketara, harta tanah pelaburan, aset pertanian-biologi, aset kewangan dan liabiliti kewangan, 2. Memperkenalkan konsep kawalan dan penyediaan akaun syarikat berkumpulan; 3. Memperincikan cukai tertunda dan membezakan aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda dan 4. Memperincian ekuiti.

ACT4101	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4
Jam Kredit	:3 (3+0)
Prasyarat	:ACT3103 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3) (Wajib Ambil)

Ini adalah kursus kelima untuk Perakaunan dan Pelaporan Kewangan. Kursus ini membina pengetahuan dan kemahiran yang telah diperkenalkan dalam kursus-kursus perakaunan kewangan sebelum ini yang mana ia membawa pelajar ke tahap keupayaan dan pembinaan kompetensi kelima dalam piawaian IFRS/MFRS. Ia meningkatkan kemahiran dalam proses penyatuan akaun dengan memperkenalkan struktur kumpulan yang lebih kompleks berkaitan dengan syarikat bersekutu, usaha sama dan operasi asing. Ia juga melibatkan Penyata Aliran Tunai Disatukan dan memperkenalkan isu pendedahan yang lebih lanjut berkaitan dengan operasi segmen.

ACT4102	Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 5
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT4101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4) (Wajib Ambil)

Ini adalah kursus peringkat keenam untuk Perakaunan Kewangan dan Pelaporan. Kursus ini dibina berdasarkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang telah diperkenalkan dalam kursus-kursus Perakaunan Kewangan dan Pelaporan terdahulu dan menguatkan keupayaan dan kompetensi tahap keempat piawaian IFRS/MFRS. Perbincangan dalam kursus terdahulu berkenaan peranan akauntan profesional dalam masyarakat dikaji semula untuk memperkuuhkan dasar kepentingan awam dan etika. Kursus ini juga memberi gambaran keseluruhan tentang profesyen perakaunan dan sejarah perakaunan. Ia juga membincangkan pengajaran daripada skandal korporat dan implikasinya terhadap pembangunan piawaian dan profesyen perakaunan. Berdasarkan konteks piawai khusus seperti pembayaran berdasarkan saham, manfaat pekerja, hasil, proses penetapan piawaian akan dinilai. Pelajar didedahkan melalui kes-kes yang komprehensif yang melibatkan penggunaan pertimbangan profesional dan membuat anggaran dari segi ukuran-nilai saksama dan pendedahan mengenai perubahan dasar perakaunan penting dan anggaran.

ACT3201	Perakaunan Pengurusan 1
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3100 (Prinsip Perakaunan) (Wajib Ambil)

Kursus ini memperkenalkan konsep asas, istilah, prinsip dan kaedah kos perakaunan pada peringkat operasi. Topik termasuk elemen asas kos, teknik tradisional pengumpulan kos, perancangan kos dan kaedah pengkosan. Penekanan utama untuk menganggarkan kos produk yang dihasilkan dan perkhidmatan yang diberikan.

ACT3202	Perakaunan Pengurusan 2
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3201 (Perakaunan Pengurusan 1) (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi penekanan kepada aplikasi maklumat perakaunan pengurusan dan menggunakan teknik-teknik perbincangan berdasarkan kes merangkumi perancangan, kawalan dan pembuatan keputusan. Topik-topik termasuk belanjawan, pengkosan standard, strategi harga dan perakaunan tanggungjawab. Isu-isu berkaitan pindahan harga dan pertimbangan tingkah laku akan dibincangkan pada akhir kursus.

ACT4201	Seminar dalam Perakaunan Pengurusan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3202 (Perakaunan Pengurusan 2) (Wajib Ambil)

Kursus ini adalah lanjutan kepada Perakaunan Pengurusan 2 dan dijalankan dalam bentuk seminar. Evolusi pengurusan perakaunan dibincangkan dengan lanjut. Teknik perakaunan pengurusan strategik tradisional dan kontemporari dianalisa dan dinilai menggunakan kes-kes perniagaan. Secara amnya, topik perbincangan adalah pada peringkat lanjutan dan ini termasuklah penilaian prestasi, kawalan pengurusan, tingkah laku dan isu-isu etika serta pembaharuan terkini dalam perakaunan pengurusan. Penekanan diberikan kepada aspek tingkah laku dan pelajar didedahkan kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan perbincangan berdasarkan kes.

ACT3301	Audit 1
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1) (Wajib Ambil)

Kursus ini merupakan kursus pengenalan dalam pengauditan dan ianya memperkenalkan pelajar kepada konsep dan prinsip pengauditan. Ianya juga menjelaskan peranan, etika dan tanggungjawab akauntan awam, undang-undang dan peraturan dalam pengauditan, penyediaan deraf dan pelaporan audit. Kursus ini mengkhusus dan memfokus kepada konsep, proses, perancangan, bukti, dokumentasi dan laporan audit.

ACT4301	Audit 2
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3301 (Audit 1) (Wajib Ambil)

Kursus ini adalah kesinambungan daripada Audit 1. Ianya berhasrat untuk mengukuhkan dan meningkatkan kefahaman pelajar dalam pengauditan. Antara topik yang akan dibincangkan adalah kod etika, liabiliti juruaudit, proses melengkapi audit dan penyediaan laporan audit, teknik audit berdasarkan komputer, audit kumpulan dan isu-isu semasa dalam profesi pengauditan. Kursus ini akan membincangkan lain-lain perkhidmatan berkaitan audit selain daripada audit pernyata kewangan yang boleh dilakukan oleh seorang akauntan awam seperti audit operasi, audit pematuhan dan audit dalaman.

ACT3401	Percukaian 1
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3100 (Prinsip Perakaunan) (Wajib Ambil)

Kursus ini meliputi semua aspek percukaian individu, pemilikan tunggal, pendapatan perniagaan dan pentadbiran cukai. Topik termasuk pengenaan cukai atas pendapatan penggajian, dividen, faedah, sewa, royalti dan pencen, percukaian atas pendapatan perniagaan, elaun modal dan pentadbiran cukai.

ACT3402	Percukaian 2
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3401 (Percukaian 1) (Wajib Ambil)

Kursus ini merangkumi semua aspek percukaian atas perkongsian, cukai syarikat, insentif pelaburan, cukai keuntungan hartatanah, cukai pegangan, perjanjian cukai dua kali dan cukai tidak langsung.

ACT3501	Sistem Maklumat Perakaunan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini merangkumi topik-topik Sistem Maklumat Perakaunan (AIS) dalam tiga bahagian utama. Bahagian pertama memperkenalkan konsep asas AIS termasuk objektif, komponen dan subsistem. Bahagian ini juga memperkenalkan pelajar kepada teknik-teknik mendokumenkan sistem perakaunan. Bahagian kedua membincangkan dengan lebih terperinci proses perniagaan (kitaran) termasuk jualan, belian, pengeluaran, sumber manusia, dan lejar am. Integrasi proses perniagaan dalam persekitaran Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) juga ditekankan. Penggunaan perisian perakaunan terpilih juga dikendalikan pada peringkat ini. Bahagian akhir membincangkan isu-isu terkini dalam jenayah komputer, etika komputer dan peranan kawalan dalaman. Akhirnya, fokus khas akan diberikan kepada isu-isu terpilih dan teknologi maklumat yang berpotensi untuk memberi kesan kepada AIS.

ACT3502	Analisis dan Rekabentuk Maklumat Perakaunan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3501 (Sistem Maklumat Perakaunan) (Wajib Ambil)

Kursus ini meliputi fasa-fasa kitaran hayat pembangunan sistem (SDLC) seperti, perancangan sistem, analisis sistem, penilaian dan pemilihan sistem, reka bentuk sistem, penukaran sistem dan pelaksanaan sistem. Ia juga merangkumi lain-lain pendekatan pembangunan sistem.

ACT4001	Etika Perniagaan dan Tadbir Urus Korporat
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini memberi kefahaman berkenaan teori-teori etika dan falsafah, dan penetapan nilai-nilai seseorang individu, organisasi, profesional dan kemasyarakatan. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan kemahiran yang diperlukan untuk menangani isu-isu etika supaya dapat bertindak secara beretika pada setiap masa. Aplikasi prinsip-prinsip etika ini sesuai dibincangkan dalam rangka kerja amalan tadbir urus korporat yang baik.

ACT4601	Kajian Kes Bersepadu
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT4101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4) (Wajib Ambil)

Ini merupakan kursus kemuncak untuk program Sarjana Muda Perakaunan yang menggabungkan ilmu perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, percukaian, audit, kewangan, pengurusan dan perniagaan, teknologi maklumat dan lain-lain kursus sains sosial. Latihan berasaskan pengalaman yang menggunakan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) diterapkan dalam kursus ini untuk menyokong pelajar.

ACT4992	Latihan Industri
Jam Kredit	: 12 (0+12)
Prasyarat	: Pelajar telah menduduki kursus-kursus berikut: (Wajib Ambil)

ACT3202 (Perakaunan Pengurusan 2)
 ACT3301 (Audit 1)
 ACT3402 (Percukaian 2)
 ACT4101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4)
 dan menamatkan 60 jam kredit kursus

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang suasana kerja yang sebenar dengan menempatkan mereka di organisasi luar universiti. Ia membolehkan pelajar-pelajar mengaplikasikan konsep dan teori yang dipelajari semasa kuliah kepada praktis sebenar di dalam bidang-bidang berkaitan perakaunan.

FNC3002	Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Subjek ini memperkenalkan konsep asas statistik dalam aplikasi perniagaan. Topik-topik dalam kursus ini merangkumi konsep asas kaedah persampelan, kaedah pengumpulan data, pengenalan kepada kaedah-kaedah statistik deskriptif dan inferensi berserta penggunaannya. Topik-topik khusus pula termasuklah kaedah berangka dan bukan berangka untuk menerangkan data, korelasi dan regresi, analisis siri masa, nombor indeks dan kebarangkalian.

FNC3101	Pengurusan Kewangan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip asas dan teknik di dalam pembuatan keputusan berkaitan kewangan. ia merangkumi konsep pengurusan kewangan dan aplikasi teknik kewangan sebagai cara untuk membuat keputusan. Topik-topik yang dirangkum termasuk analisis penyata kewangan, pengurusan modal kerja, hubungan antara risiko dan pulangan, kos modal, penilaian asas sekuriti dan nilai masa wang beserta aplikasinya.

FNC3103	Kewangan Korporat
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3101 (Pengurusan Kewangan) (Wajib Ambil)

Kursus ini merangkumi topik-topik berkaitan kewangan korporat menerusi beberapa bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan kewangan korporat secara keseluruhan. Bahagian kedua pula membincangkan mengenai penilaian aset, termasuklah analisis risiko dan analisis penilaian projek. Bahagian ketiga membincangkan tentang risiko dan keefisienan pasaran kewangan. Bahagian keempat membincangkan mengenai struktur modal dan polisi dividen. Bahagian kelima membincangkan mengenai pembiayaan jangka panjang. Bahagian terakhir, iaitu bahagian keenam pula membincangkan mengenai pengurusan risiko.

FNC3201	Pasaran dan Institusi Kewangan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3101 (Pengurusan Kewangan) (Wajib Ambil)

Kursus ini menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai komponen-komponen di dalam pasaran kewangan, iaitu pasaran saham, bon, wang dan derivatif. Di dalam setiap komponen pasaran kewangan tersebut, kaedah-kaedah penilaian, penaksiran risiko dan kelakuan, dan pengaruh global akan dibincangkan. Kursus ini juga

membincangkan mengenai krisis kewangan Asia Tenggara beserta cabaran akan datang dan kewangan Islam. Topik-topik penting berkaitan perkembangan terkini pasaran kewangan juga akan dibincangkan.

KURSUS-KURSUS ELEKTIF MOD INDUSTRI TAF & SAI

ACT4993 Sangkutan Pembelajaran Perakaunan Kerja Bersepadu

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : ACT3101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 1)

Kursus ini akan menyediakan pengalaman sebenar sebagai seorang akauntan kepada para pelajar. Ia akan membolehkan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sepanjang pengajian mereka dan membentuk pemahaman secara praktikal ke atas proses perakaunan kewangan di bawah tunjuk ajar pakar. Kursus ini juga akan membantu pelajar dalam membina kemahiran profesional yang diperlukan bagi kerjaya mereka di masa depan terutamanya kepada mereka yang terlibat dengan perakaunan kewangan.

ACT4994 Sangkutan Pembelajaran Percukaian Kerja Bersepadu

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : ACT3402 (Percukaian 2)

Kursus ini akan menyediakan pengalaman sebenar sebagai seorang penilai cukai. Sangkutan industri ini akan membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sepanjang pengajian mereka dan membentuk kefahaman secara praktikal ke atas percukaian di bawah tunjuk ajar penyelia di tempat kerja. Sebagai tambahan kepada kefahaman praktikal percukaian ini, kursus ini juga akan membantu pelajar dalam membina kemahiran profesional yang diperlukan bagi keperluan menyempurnakan tugas percukaian di masa depan.

ACT4995 Sangkutan Pembelajaran Audit Kerja Bersepadu

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : ACT4301 (Audit 2)

Kursus ini akan menyediakan pengalaman sebenar sebagai seorang juruaudit. Sangkutan industri ini akan membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sepanjang pengajian mereka dan membentuk kefahaman secara praktikal ke atas audit di bawah tunjuk ajar penyelia di tempat kerja. Sebagai tambahan kepada kefahaman praktikal audit, kursus ini juga akan membantu pelajar dalam membina kemahiran profesional yang diperlukan bagi keperluan yang diperlukan untuk bekerja dalam bidang audit.

ACT4996 Sangkutan Pembelajaran Kesetiausahaan Syarikat Kerja Bersepadu

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : MGM4603 (Undang-undang Syarikat)

Pelajar akan berpeluang untuk menggunakan dan menunjukkan pembelajaran dan kemahiran mereka dalam tugas *Teaching Accountancy Firm* (TAF). Sangkutan industri ini akan menyediakan pelajar untuk bekerja dalam firma kesetiausahaan. Secara khusus, pelajar akan didedahkan kepada tugas kesetiausahaan daripada pelbagai jenis klien. Hubungan langsung antara pelajar dan majikan membolehkan mereka berinteraksi, membentuk jaringan kerja dan belajar daripada pakar dalam bidang kesetiausahaan. Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan aplikasi peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016, peraturan dan garis panduan berkaitan prosedur kesetiausahaan. Kursus ini merangkumi pendaftaran perniagaan dan syarikat, memorandum dan undang-undang pensyarakatan, mesyuarat, saham dan pencairan. Fungsi dan tanggungjawab pengarah syarikat turut diajar.

ACT4997 Sangkutan Pembelajaran Perundingan Perniagaan Kerja Bersepadu

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : FNC3102 (Kewangan Korporat)

Kursus ini bertujuan menyediakan kepada pelajar kemahiran konsultansi yang diperlukan dalam perniagaan. Program sangkutan ini membolehkan pelajar untuk bekerjasama secara aktif dengan klien, bekerja dengan pelbagai pangkalan data dan berdepan secara hikmah dalam memberikan khidmat nasihat.

ACT4701I Kerja Bersepadu Etika dan Profesionalisma

Jam Kredit : 3 (0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus elektif yang menerapkan pembelajaran berdasarkan pekerjaan, ‘work-based learning’ (WBL). Pelajar akan ditempatkan di industri di ACCA Approved Employers, and menyepadukan pembelajarannya dengan kerja yang dilaksanakan di industri. Bagi kursus ini secara khususnya, ia memberi fokus kepada penerapan kemahiran praktikal bagi aspek etika dan profesionalisma. Kursus ini dipetakan kepada ACCA PER Performance Objective 1 - Professionalism and Ethics. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada isu sebenar secara praktikal berkaitan etika dan professionalism di alam pekerjaan bidang perakaunan. Di samping itu, pelajar juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan serta mempamerkan pembelajaran dan kemahiran sedia ada mereka di dalam situasi sebenar bekerja. Hubungan secara langsung di antara pelajar dan majikan juga membolehkan pelajar berinteraksi, mewujudkan jalinan rangkaian kenalan serta mempelajari selok-belok pekerjaan daripada yang pakar di dalam bidang yang berkaitan.

ACT4702I Kerja Bersepadu Strategi dan Hubungan Pemegang Taruh

Jam Kredit : 4 (0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus elektif yang menerapkan pembelajaran berdasarkan pekerjaan, ‘work-based learning’ (WBL). Pelajar akan ditempatkan di industri di ACCA Approved Employers, and menyepadukan pembelajarannya dengan kerja yang dilaksanakan di industri. Bagi kursus ini secara khususnya, ia memberi fokus kepada penerapan kemahiran praktikal berkaitan strategi, inovasi serta pengurusan hubungan pemegang taruh bagi sesebuah atau mana-mana organisasi. Kursus ini dipetakan kepada ACCA PER Performance Objective 2 dan 3 – Stakeholder Relationship Management, and Strategy and Innovation. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada isu sebenar secara praktikal berkaitan strategi, inovasi serta pengurusan hubungan pemegang taruh bagi sesebuah atau mana-mana organisasi di alam pekerjaan bidang perakaunan, sama ada bagi organisasi majikan yang pelajar tersebut ditmpatkan, ataupun organisasi yang menjadi pelanggan kepada majikan tersebut. Di samping itu, pelajar juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan serta mempamerkan pembelajaran dan kemahiran sedia ada mereka di dalam situasi sebenar bekerja. Hubungan secara langsung di antara pelajar dan majikan juga membolehkan pelajar berinteraksi, mewujudkan jalinan rangkaian kenalan serta mempelajari selok-belok pekerjaan daripada yang pakar di dalam bidang yang berkaitan.

ACT4703I Kerja Bersepadu Risiko dan Tadbir Urus

Jam Kredit : 4 (0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus elektif yang menerapkan pembelajaran berdasarkan pekerjaan, ‘work-based learning’ (WBL). Pelajar akan ditempatkan di industri di ACCA Approved Employers, and menyepadukan pembelajarannya dengan kerja yang dilaksanakan di industri. Bagi kursus ini secara khususnya, ia memberi fokus kepada penerapan kemahiran praktikal bagi aspek governan, risiko dan kawalan. Kursus ini dipetakan kepada ACCA PER Performance Objective 4 – Governance, Risk and Control. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada isu sebenar secara praktikal berkaitan isu tadbir urus, pengurusan risiko, serta kawalan pengurusan di alam pekerjaan bidang perakaunan. Di samping itu, pelajar juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan serta mempamerkan pembelajaran dan kemahiran sedia ada mereka di dalam situasi sebenar bekerja. Hubungan secara langsung di antara pelajar dan majikan juga membolehkan pelajar berinteraksi, mewujudkan jalinan rangkaian kenalan serta mempelajari selok-belok pekerjaan daripada yang pakar di dalam bidang yang berkaitan.

ACT4704I Kerja Bersepadu Penilaian Cukai

Jam Kredit : 4 (0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus elektif yang menerapkan pembelajaran berdasarkan pekerjaan, ‘work-based learning’ (WBL). Pelajar akan ditempatkan di industri di ACCA Approved Employers, and menyepadukan pembelajarannya dengan kerja yang dilaksanakan di industri. Bagi kursus ini secara khususnya, ia memberi fokus kepada penerapan kemahiran praktikal berkaitan percukaian. Kursus ini dipetakan kepada ACCA PER Performance Objective 15, 16 dan 17 di bawah bidang teknikal percukaian. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada isu sebenar secara praktikal berkaitan percukaian termasuklah percukaian individu, korporat, perancangan cukai, khidmat nasihat dan lain-lain. Di samping itu, pelajar juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan serta mempamerkan pembelajaran dan kemahiran sedia ada mereka di dalam situasi sebenar bekerja. Hubungan secara langsung di antara pelajar dan

majikan juga membolehkan pelajar berinteraksi, mewujudkan jalinan rangkaian kenalan serta mempelajari selok-belok pekerjaan daripada yang pakar di dalam bidang yang berkaitan.

ACT4705I Kerja Bersepadu Audit dan Jaminan

Jam Kredit : 4 (0+4)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merupakan kursus elektif yang menerapkan pembelajaran berasaskan pekerjaan, 'work-based learning' (WBL). Pelajar akan ditempatkan di industri di ACCA Approved Employers, and menyepadan pembelajarannya dengan kerja yang dilaksanakan di industri. Bagi kursus ini secara khususnya, ia memberi fokus kepada penerapan kemahiran praktikal berkaitan audit dan jaminan. Kursus ini dipetakan kepada ACCA PER Performance Objective 18, 19 dan 20 di bawah bidang teknikal audit dan jaminan. Pelajar akan diberikan pendedahan kepada isu sebenar secara praktikal berkaitan perkhidmatan audit dan jaminan termasuklah perancangan serta penyediaan proses kerja-kerja audit dan jaminan, perolehan serta penilaian bukti, semakan serta pelaporan hasil dapatan audit dan jaminan dan lain-lain. Di samping itu, pelajar juga diberikan peluang untuk mengaplikasikan serta memperkenalkan pembelajaran dan kemahiran sedia ada mereka di dalam situasi sebenar bekerja. Hubungan secara langsung di antara pelajar dan majikan juga membolehkan pelajar berinteraksi, mewujudkan jalinan rangkaian kenalan serta mempelajari selok-belok pekerjaan daripada yang pakar di dalam bidang yang berkaitan.

ACT4991I Sangkutan Industri

Jam Kredit : 12 (0+12)

Prasyarat : Semua kursus teras dan empat (4) kursus elektif SAI

Kursus ini merupakan kesinambungan daripada kursus-kursus kerja bersepadu yang diambil oleh pelajar semasa Semester 7. Kursus ini menyediakan rangka yang mempunyai pelbagai kemahiran yang kritikal di dalam alam pekerjaan berkaitan bidang perakaunan. Kursus ini memantapkan lagi kemahiran yang telah diperolehi semasa Semester 7 seperti kemahiran teknikal, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, serta kemahiran insaniah yang lain yang akan diaplakasikan semasa tugas di tempat sangkutan industri mahupun di tempat bekerja sebenar kelak. Kursus ini juga menggalakkan pelajar untuk senantiasa mengemaskini pengetahuan teknikal serta menambahbaik kemahiran mereka supaya dapat kekal relevan di dalam industri tempatan dan global yang semakin dinamik ini. Pada akhirnya, kepelbagaiannya kemahiran yang telah diperolehi semasa kedua-dua Semester 7 dan 8 selama satu tahun ini akan memenuhi sebahagian daripada keperluan pengalaman bekerja ACCA, iaitu tiga tahun *Practical Experience Requirement* (PER) di bawah syarat kelayakan professional ACCA, di samping membolehkan juga pelajar menduduki peperiksaan bertulis ACCA.

KURSUS-KURSUS ELEKTIF BIDANG PERAKAUNAN

ACT4002 Perniagaan Antarabangsa dan Globalisasi

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar tentang isu-isu perniagaan antarabangsa dan globalisasi. Antara topik yang dirangkumi ialah perdagangan dan pelaburan antarabangsa, pasaran kewangan antarabangsa dan menguruskan operasi antarabangsa.

ACT4003 Amalan Kesetiausahaan Syarikat

Jam Kredit : 2 (2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat. Pelajar akan didedahkan dengan tatacara pentadbiran berkaitan syarikat daripada penubuhan sehingga kepada pencairannya. Tatacara pentadbiran yang dibincangkan dalam kursus ini termasuk pendaftaran syarikat, memorandum dan undang-undang pensyarikatan, mesyuarat, saham dan pencairan. Peruntukan daripada Akta Syarikat 2016, syarat-syarat dan panduan berkaitan tatacara kesetiausahaan syarikat akan dibincangkan secara teratur.

ACT4103 Perakaunan Sektor Awam

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini dirangka untuk mendedahkan pelajar kepada konsep dan amalan semasa dalam bidang perakaunan di sektor awam beserta dengan peruntukan undang-udang, syarat dan tatacaranya. Rangkuman kursus ini termasuk persekitaran perakaunan sektor awam dan isu utama berkaitan perakaunan pengurusan dan kawalan, perakaunan kewangan, audit dan kebertanggungjawaban.

ACT4104 Perakaunan untuk Transaksi Kewangan Islam

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ACT4101 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 4)

Kursus ini memperkenalkan *Maqasid Sharia* dan bagaimana ia memberi kesan ke atas kontrak perdagangan komersil, sistem ekonomi dan kerangka perakaunan bagi perbankan dan kewangan Islamik.

ACT4105 Isu-isu Semasa Perakaunan dan Pengauditan

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ACT3103 (Audit 1)

Kursus ini ialah satu kursus peringkat tinggi yang membincangkan isu-isu semasa dalam kerjaya perakaunan dan audit. Isu-isu dan topik yang akan dibincangkan berkaitan dengan isu-isu yang memberi kesan ke atas kerjaya perakaunan yang mana akan ditentukan pada permulaan kursus. Walaupun begitu, ia akan membincangkan pelbagai isu merangkumi etika, pelaporan dan pendedahan kewangan, isu sosial dan persekitaran, dan isu pengurusan dan pengauditan terkini. Kursus ini akan dijalankan melalui satu siri seminar, pembentangan dan perbincangan.

ACT4106 Perakaunan Industri Terkhusus

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ACT3103 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3)

Kursus ini membincangkan perakaunan ke atas pelbagai industri terkhusus. Aspek penting yang dirangkumi termasuk aplikasi standard perakaunan berkaitan, panduan dan akta-akta serta kesannya ke atas laporan kewangan. Penekanan akan diberikan kepada isu perakaunan berkaitan industri terkhusus. Antara topik-topik yang dirangkumi termasuk perakaunan untuk industri perladangan, minyak dan gas, institusi kewangan, firma insurans, firma harta tanah, firma pelaburan saham, amanah saham, syarikat perundangan, firma akuakultur dan koperasi.

ACT4107	Perakaunan Antarabangsa
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3103 (Perakaunan Kewangan dan Pelaporan 3)

Kursus ini merangkumi pengenalan kepada sistem perakaunan antarabangsa dan amalannya, pengelasan usaha ke atas amalan yang pelbagai tersebut, halangan/masalah pengharmonian amalan, isu dan piawaian pertukaran wang asing, isu dan amalan perakaunan pengurusan global, isu audit antarabangsa dan arah masa depan dalam perakaunan antarabangsa.

ACT4108	Isu-isu Perakaunan dalam Industri Maritim
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini membincangkan perakaunan bagi industri maritim. Aspek penting yang dirangkumi termasuk penggunaan piawaian yang berkaitan, panduan dan akta serta kesan ke atas penyata kewangan syarikat maritim. Penekanan akan diberikan kepada isu-isu perakaunan berkaitan dengan item penyata kewangan khusus bagi syarikat maritim, dan juga isu-isu berkenaan audit, percukaian, sistem maklumat perakaunan dan perakaunan pengurusan dan kawalan dalam industri maritim. Kepentingan tanggujawab sosial korporat turut ditekankan.

ACT4109	Perakaunan dan Pelaporan untuk Persekutaran
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini membincangkan perakaunan bagi sumber alam semulajadi. Aspek penting yang dirangkumi termasuk penggunaan piawaian yang berkaitan, panduan dan akta serta kesan ke atas perakaunan sumber alam semulajadi. Penekanan akan diberikan kepada perakaunan dan teknik penilaian berkenaan sumber alam semulajadi tertentu, serta isu-isu berkaitan perakaunan dan amalan pendedahan kewangan bagi sumber alam semulajadi.

ACT4302	Audit Dalaman
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT4301 (Audit 2)

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada peranan juruaudit dalaman dan hubungan di antara audit dalam dan audit luar. Secara khusus, ia menjelaskan perbezaan di antara audit dalam dan luar serta bagaimana audit dalam boleh memberi nilai tambah kepada organisasi. Silibus kemudiannya merangkumi peranan juruaudit dalam berkaitan pengurusan risiko, kawalan dalaman, dan tadbir urus dalam sesebuah organisasi. Seterusnya, silibus memberi fokus kepada pengoperasian, proses perniagaan dan kawalan termasuklah perancangan, pentaksiran risiko dan penilaian kawalan dalaman. Akhir sekali, isu-isu kontemporari dalam audit dalaman akan turut dibincangkan dalam kursus ini.

ACT4401	Percukaian Lanjutan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT3402 (Percukaian 2)

Kursus ini merangkumi topik-topik aras tinggi dalam percukaian melalui tiga bahagian. Bahagian pertama memperkenalkan pengiraan cukai bagi pelbagai jenis pembayar cukai. Bahagian kedua membincangkan secara mendalam tentang audit percukaian dan penyiasatan. Penggunaan pelbagai kaedah dalam mengira pendapatan terkurang lapor juga akan dimasukkan. Bahagian terakhir membincangkan isu-isu terkini berkaitan cukai.

ACT4998	Penyelidikan dalam Perakaunan 1
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3002 (Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan)

Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menjalankan kajian ke atas satu perkara yang menepati minat mereka. Projek kajian ini merangkumi penyiasatan mendalam ke atas sesuatu topik perakaunan yang terbit daripada kajian mereka. Proses kajian terbahagi kepada dua; menyediakan cadangan kajian dan membuat kajian di lapangan. Bahagian pertama dirangkumi oleh kursus ini manakala bahagian kedua akan disambung dalam kursus (ACT4999).

ACT4999	Penyelidikan dalam Perakaunan 2
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: ACT4999 (Penyelidikan dalam Perakaunan 1) (Wajib lulus)

Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk menjalankan kajian lapangan ke atas topik yang menepati minat mereka. Kajian ini adalah lanjutan kepada cadangan kajian yang dibentangkan dalam kursus awalan mereka iaitu ACT4998. Penekanan akan diberikan kepada analisa data dan penyampaian keputusan kajian.

FNC4101	Kewangan Antarabangsa
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3101 (Pengurusan Kewangan)

Kursus ini memperkenalkan persekitaran pengurusan kewangan antarabangsa. Ia merangkumi analisis ke atas pernyataan kewangan bagi tujuan perancangan dan kawalan, sekuriti korporat, penetapan kadar tukaran asing, arbitraj antarabangsa dan kadar pariti faedah, derivatif, dan pembiayaan keperluan jangka masa panjang dan pendek bagi syarikat antarabangsa.

FNC4201	Analisis Pelaburan
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3101 (Pengurusan Kewangan)

Kursus ini membina pemahaman ke atas model dan konsep pelaburan yang untung, berdasarkan kepada pembangunan teoretikal dan penentuan harga, pasaran dan gelagat peserta pasaran. Ia juga membincangkan pasaran-pasaran yang digunakan untuk pelaburan dan motivasi ke atas komuniti pelabur dan peminjam.

FNC4202	Pasaran Derivatif
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3103 (Kewangan Korporat)

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada derivatif kewangan. Sebahagian topik utama termasuk pasaran opsyen dan hadapan, sistem penjelasan, dan strategi serta aktiviti perlindungan nilai.

FNC4301	Pengurusan Bank
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini melihat kepada peranan dan tanggungjawab eksekutif di bank dan institusi kewangan serta mengkaji amalan, tatacara, teknik tradisional dan terkini dan juga alat untuk mengurus sesbuah bank komersil. Penekanan diberi ke atas arah aliran semasa dan masa depan dalam perbankan, namun analisis ke atas perubahan dalam perbankan semasa akan dijalankan berpandukan perundangan dalam pasaran kewangan di Malaysia. Penekanan juga diberi ke atas analisis pencapaian bank, durasi, analisis CAMEL, pengurusan aset, liabiliti dan kos dana, penilaian dan analisis kredit pinjaman komersil dan pengguna.

FNC4302	Perbankan Antarabangsa
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC4301 (Pengurusan Bank)

Topik yang dibincangkan adalah terma dan peraturan perdagangan antarabangsa; kaedah penyelesaian perdagangan antarabangsa dan instrumen perbankan utama dalam perniagaan antarabangsa; pinjaman luar-pesisir; risiko perdagangan antarabangsa; penetapan harga dan kawalan; dan insentif eksport.

FNC4701	Pengurusan Kewangan Islam
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini akan membincangkan prinsip pembiayaan dan pelaburan dalam konteks Islam. Topik utama yang akan dibincangkan termasuk halangan yang ditetapkan oleh syariah dalam transaksi secara Islamik, iaitu transaksi bebas riba, zakat dan alat kewangan Islamik seperti as syirka, murabaha dan mudarabah, belanjawan modal dan sistem kewangan Islamik.

FNC4801 Ekonomi Islam

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menyediakan kefahaman dalam ekonomi Islam dengan mengambilkira kesan daripada penggunaan undang-undang Shariah dalam sistem ekonomi dan kewangan, pengenalan ekonomi Islam dengan menekankan pelbagai pendapat ulama Islam dalam bidang berkaitan, membandingkan sumber-sumber ilmu ekonomi berlainan, menekankan kepentingan pandangan global ke atas ekonomi Islam, dan membiasakan pelajar dengan pandangan ilmuan Islam. Ia juga memberikan penjelasan ke atas konsep duit menurut Islam, mengkaji skop ekonomi Islam dan hubungannya dengan konvensional serta menekankan pembangunan terkini dalam institusi ekonomi Islam seperti zakah, jizyah, kharaj, takaful, sadaqah dan waqf.

FNC4802 Institusi Kewangan Islam dan Pasaran

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji struktur pasaran kewangan Islamik, intrumen dan juga institusinya. Topik yang dibincangkan termasuk pembangunan awal institusi kewangan dan pasaran Islam, peranan bank pusat dan intermediari lain dan amalan perdangangan serta penilaian instrumen kewangan seperti ekuiti, hutang, hadapan dan lainnya.

FNC4803 Pasaran Modal Islam

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mengkaji bentuk dan teori pasaran modal Islamik dan struktur instrumen pasaran modal. Topik yang dibincangkan termasuk pembangunan awal institusi kewangan dan pasaran Islam dan peranannya ke atas pembangunan ekonomi, dan pergerakan modal Islamik menerusi produk menepati Shariah dalam pasaran ekuiti dan hutang.

FNC4804 Peraturan Shariah dalam Transaksi Kewangan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan keperluan Shariah dalam transaksi komersil. Kursus ini akan merangkumi lima kategori prinsip Shariah yang melibatkan transaksi komersil. Pelajar akan didedahkan kepada penggunaan dan mekanisma yang selalunya digunakan dalam prinsip Shariah seperti mudharabah, murabahah, bai bithaman ajil, musharakah, salam, istisna, ijarah, bai al-inah, tawarruq, hiwalah, kafalah, wakalah, wadiyah, ijarah dan rahn.

FNC4805 Deposit dan Operasi Kewangan Bank Islam

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pelajar kefahaman berkaitan fungsi deposit dalam ekonomi dan teori dan prinsip yang berkaitan. Pelajar akan didedahkan kepada pengerakan deposit dalam institusi kewangan konvensional dan Islamik. Topik lain termasuk juga penentu dan ramalan simpanan serta peraturan dan proses berkaitan.

FNC4806 Perancangan dan Pengurusan Harta

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep harta, pengumpulannya, perkembangan dan pengagihannya melalui perspektif konvensional dan Islamik sebagai sebahagian proses perancangan harta. Ia juga merangkumi proses pengagihan harta, penjanaan dan perkembangan harta melalui pelaburan dalam sekuriti dan harta tanah, perlindungan harta melalui insurans dan takaful, perancangan untuk masa depan melalui pusaka, perancangan cukai dan persaraan dan juga agihan pusaka melalui undang-undang wasiat. Kerangka perundangan dan isu-isu berkaitan turut dibincangkan untuk membantu perancang dan penasihat harta.

KURSUS-KURSUS BAGI PELAJAR BUKAN PERAKAUNAN

ACC3100 Perakaunan Perniagaan

Jam Kredit :4 (4+0)
Prasyarat :Tiada

Kursus ini direkabentuk untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar-pelajar perakaunan bukan bercadang untuk mengambil kursus lanjutan dalam perakaunan. Kursus ini mengintegrasikan dua disiplin perakaunan: perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan. Kursus ini meliputi peranan perakaunan sebagai input penting dalam perniagaan, kitaran perakaunan, prinsip *double-entry*, penyediaan penyata kewangan, perakaunan untuk aset, liabiliti dan ekuiti, analisis penyata kewangan dan pemantauan kos.

ACC3200 Perakaunan Kos dan Pengurusan

Jam Kredit :3 (3+0)
Prasyarat :Tiada

Kursus ini menerapkan konsep asas dalam pengurusan dan perakaunan kos. Topik yang diliputi termasuklah konsep asas kos, sistem pengkosan, belanjawan, pengekosan piawai dan pengekosan relevan.

ACC3303 Asas Perakaunan Perniagaan

Jam Kredit :3 (3+0)
Prasyarat :Tiada

Kursus ini dirangka untuk memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar bukan perakaunan dalam asas perakaunan perniagaan. Ia menggabungkan dua disiplin perakaunan: Perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan. Ia merangkumi prinsip perakaunan termasuklah kitaran perakaunan, prinsip catatan-berganda, persamaan perakaunan, penyediaan penyata kewangan dana perakaunan pengurusan.

FIN3000 Kewangan Pengurusan

Jam Kredit :3 (3+0)
Prasyarat: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip asas dan teknik dalam membuat keputusan kewangan. Ia merangkumi kedua-dua konsep pengurusan kewangan dan aplikasi teknik kewangan sebagai alat untuk membuat keputusan. Topik-topik yang diliputi termasuk ramalan kewangan dan perancangan, pengurusan modal kerja, risiko dan pulangan hubungan bagi jangka pendek dan panjang, nilai masa wang dan aplikasinya, dasar struktur modal dan pengurusan risiko.

SINOPSIS KURSUS TERAS UNIVERSITI

Kursus	: BBB3013 Academic Writing Skills
Kredit	3 (3+0)
Prasyarat	MUET (Bands 3-6)

This course is designed to develop students' competence in writing. It introduces students to the skills needed to become effective writers. Students will be guided through the main stages in writing such as pre-writing, outlining, drafting and revising which will enable them to produce well-organised and adequately developed essays. Emphasis is also given on creative and critical thinking which are integral to the writing process.

Kursus	: BBB3033 English For Occupational Purposes
Kredit	3 (3+0)

The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in work place situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the work place.

Kursus	: MPU3223 Asas Keusahawanan
Kredit	3 (3+0)
Prasyarat	Tiada

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuh alam kerjaya kelak.

Kursus	: NCC3053 Kenegaraan Malaysia
Kredit	2 (0+2)
Prasyarat	Tiada

Kursus ini membincangkan Sejarah dan Politik, Perlembagaan Malaysia, Sistem dan Struktur Pentadbiran Negara, Kemasyarakatan dan Perpaduan, Pembangunan Negara dan Agama dan Kepercayaan. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang memahami identiti Malaysia ke arah memupuk semangat kesejahteraan. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk kuliah, tugas, peperiksaan dan pengalaman pembelajaran.

MPU3312	: Apresiasi Alam dan Warisan Laut
Kredit	2(0+2)
Prasyarat	Tiada

Kursus ini akan menekankan kepada kepentingan untuk menghargai alam dan warisan. Satu aktiviti berteraskan air yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris akan dianjurkan untuk memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar. Pelajar juga diwajibkan untuk mengikuti aktiviti yang dapat membangunkan kemahiran insaniah secara holistik. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti tersebut merupakan pendedahan awal bagi merangsang pembelajaran kendiri dan meningkatkan sikap dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

MPU3132	: Penghayatan Etika dan Peradaban
Kredit	2(2+0)
Prasyarat	Tiada

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepadan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

MPU 3142 : Falsafah dan Isu Semasa
Kredit : 2(2+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik, dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

SENARAI PENSYARAH BIDANG PERAKAUNAN

Nama	Samb. Tel. (09-668xxxx)	Emel (edu.umt.my)	No. Bilik
Prof. Madya Dr. Azwadi Ali (Ketua Bidang)	4208	azwadi	PR101, Blok Pentadbiran FPEPS
Prof. Madya Dr. Akmalia Mohamad Ariff	3415	akmalia.ariff	104, Blok A, FPEPS
Prof. Madya Dr. Hafiza Aishah Bt. Hashim	3427	hafizaashah	103, Blok A, FPEPS
Prof. Madya Dr. Mohd Hassan Che Haat	3524	hassan	109, Blok A, FPEPS
Prof Madya Dr. Mohd Nazli B. Mohd Nor	3999	nazli	110, Blok B, FPEPS
Prof. Madya Dr. Mohd Zulkifli Mokhtar	3758	zulkifli	106, Blok A, FPEPS
Prof. Madya Dr. Roshaiza Taha	3684	roshaiza	115, Blok B, FPEPS
Prof. Madya Dr. Rosliza Binti Mat Zin	4865	rosliza.matzin	104, Blok D, FPEPS
Prof Madya Dr. Safwan Mohd Nor	3172	safwan	108, Blok B, FPEPS
Prof. Madya Dr. Zalailah Binti Salleh	3773/4531	zalailah	102, Blok A, FPEPS
Dr. Ahmad Shauqi Hj. Mohamad Zubir	3794	shauqi	32, Kabin Biru, FASM
Dr. Farizah Binti Sulong	3757	farizah.sulong	113, Blok A, FPEPS
Dr. Mohd Shaari Bin Abd. Rahman	3232	shaari	115, Blok A, FPEPS
Dr. Norazlina Binti Ilias	4182	nor_azlina	PA207, Blok Pentadbiran FPEPS
Dr. Nor Raihan Bt. Mohamad	3776	raihan	107, Blok A, FPEPS
Dr Nurasyikin Jamaludin	3217	asyikin	104, Blok B, FPEPS
Dr. Nur Haiza Muhammad Zawawi	3523	nurhaiza	105, Blok A, FPEPS
Dr. Rohila @ Norhamizah Bt. Awang	3715	hamizah	Kabin Biru, FASM
Dr. Shahnaz Bt. Ismail	3429	shahnaz	104, Blok A, FPEPS
Dr. Shayuti Mohd Adnan	3496	shayuti.adnan	110, Blok A, FPEPS
Dr. Siti Nurain Binti Muhamad	4849	sitinurain	-
Dr W Muhammad Zainuddin Bin Wan Abdullah	5150	w.zainuddin	105, Blok D, FPEPS
Dr Wan Nur Syahida Binti Wan Ismail	3669	w.nur	18, Kabin Biru, FASM
Dr Wan Zalani @ Zanani Bt Wan Abdullah	3133	zanani	106, Blok B, FPEPS
Dr. Wan Zurianti Binti Wan Zakaria	4172	wzuriati	PA205, Blok Pentadbiran FPEPS
Pn Fatimah Binti Shahman	3166	fatimah	104, Blok A, FPEPS
Pn Mimi Aizreen Binti Hamzah	3250	mimihamzah	8, Kabin Biru, FASM
YM Pn Tengku Farrah Maimunah Binti Tengku Mohd Yusof	4863	tgfarrah	101, Blok D, FPEPS



FBESD
FACULTY OF BUSINESS, ECONOMICS
AND SOCIAL DEVELOPMENT

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)

**FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL**
